



KEMENTERIAN
PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

FELCRA BERHAD LAKSANA PROJEK KEDUA KOMPLEKS TERNAKAN AYAM BERSEPADU BERNILAI RM20 JUTA DI PADANG TERAP

KPLB.100-2/1/6 JLD.3 (32)

KUALA NERANG, 9 September – Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) menerusi agensinya FELCRA Berhad melaksanakan projek kedua Kompleks Ternakan Ayam Bersepadu bernilai RM20 juta di Padang Terap.

Menurut Menteri, Datuk Seri Mahdzir Khalid, projek ternakan ayam sistem tertutup di Kampung Kubang Palas itu dijadual mula beroperasi pada bulan Oktober tahun depan.

"Pembinaan kompleks ternakan ayam ini merupakan strategi serampang dua mata yang tidak hanya memfokuskan kepada janaan ekonomi setempat sahaja, sebaliknya ia merupakan aktiviti bagi membantu menjamin keselamatan bekalan makanan dalam negara.

Projek ini juga merupakan inisiatif untuk meningkatkan kualiti kehidupan yang lebih baik di kawasan luar bandar yang akan menyediakan pelbagai peluang pekerjaan selain menjana rantai ekonomi."

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan lawatan tapak dan taklimat Projek Ternakan Ayam di sini hari ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Nerang, Mohammad Yusoff @ Munir Zakaria, Ahli Lembaga Pengarah FELCRA, Datuk Seri

Ghazali Ibrahim dan Ketua Pegawai Eksekutif FELCRA, Datuk Mat Roni Zakaria.

Jelas Mahdzir, kompleks ternakan ayam itu dibina di atas tanah berkeluasan 10 hektar dan mampu mengeluarkan 250 ribu ekor ayam sepusingan atau 1.5 juta ekor setahun.

"Saya menaruh harapan dengan pelaksanaan projek ini, anak-anak muda di Padang Terap tidak perlu lagi berhijrah ke bandar untuk bekerja sebaliknya boleh menetap di sini dan mendapatkan sumber pendapatan menerusi peluang pekerjaan yang ditawarkan."

Selain itu tambah Mahdzir, projek ternakan ayam itu turut memberi ruang kepada usahawan bimbingan FELCRA untuk terlibat secara aktif di dalam rangkaian pengeluaran dan pembekalan ayam.

Untuk rekod, FELCRA turut melaksanakan projek Kompleks Ternakan Ayam Bersepadu yang pertama di Kampung Tanjung Seratus, Rompin, Pahang.

-Tamat -

#KeluargaMalaysia

#LuarBandarSejahtera

DATUK SERI MAHDZIR KHALID
MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR
9 SEPTEMBER 2022

Unit Komunikasi Korporat. | Kementerian Pembangunan Luar Bandar
Tel: 03-8891 5945 Faks: 8888 2367 Email: ukk@rurallink.gov.my



www.rurallink.gov.my



Kementerian Pembangunan Luar Bandar



[kplb_gov](https://twitter.com/kplb_gov)



[kplb_gov](https://www.instagram.com/kplb_gov)



[KPLB_GOV Official](https://www.youtube.com/KPLB_GOV)